

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN**  
**MAT NAWI**  
**[ TUMPAT ]**

**SOALAN NO. 129**

**Y.B. DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menjelaskan kedudukan terkini Tabung Harapan Malaysia yang telah mencecah RM203 juta pada bulan Mei 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah mengeluarkan kenyataan media pada 16 Mei 2019 memaklumkan mengenai status penggunaan dana Tabung Harapan Malaysia (THM) ini iaitu bagi membayar hutang 1MDB sebagaimana yang telah diputuskan jawatankuasa yang mentadbir akaun amanah, iaitu Jawatankuasa Akaun Amanah THM.

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah THM Bil.1/2019 pada 24 April 2019 telah memutuskan bahawa kesemua dana THM yang berjumlah RM203,292,117.41 (termasuk faedah pelaburan yang akan

diterima) digunakan bagi melunaskan sebahagian hutang 1MDB yang berjumlah RM1,704.78 juta bagi tahun 2019 dan membuat pembayaran balik sumbangan terkhilaf ke dalam akaun THM. Perincian penggunaan dana THM adalah seperti berikut:

Bil	Penggunaan Dana THM	Tarikh Pelunasan Hutang	Jumlah	Jumlah Dana THM Yang Digunakan	Status
i.	Melunaskan sebahagian hutang 1MDB - Faedah Bon 1MDB IMTN	30 Mei 2019	RM143.75 juta	RM143.75 juta	Selesai
ii.	Melunaskan sebahagian hutang 1MDB - Faedah Bon 1MDB GIL	9 Sept 2019	RM277.20 juta	Baki dana THM termasuk faedah pelaburan yang akan diterima	Akan dilaksanakan pada 9 September 2019
iii.	Pembayaran balik sumbangan terkhilaf daripada empat (4) pemohon	-	RM9,457.49	RM9,457.49	Dalam proses pembayaran (dokumentasi)

Baki terkini dana THM sehingga 26 Jun 2019 termasuk faedah pelaburan tetap yang diterima adalah RM60,828,145.04.